

C // KURSUS PEMANDU BERWIBAWA

Bertempat di Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP pada 10 April lalu telah diadakan satu Kursus Pemanduan Berwibawa. Kursus yang dikendalikan oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftar itu telah disertai seramai 15 orang pemandu kenderaan bermotor KUKUM. Objektif kursus tersebut bertujuan untuk melatih peserta menjadi seorang pemandu yang berhemah dan cekap, memberi pengetahuan dari segi teori dan praktikal berkenaan kenderaan, mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pemandu semasa menjalankan tugas dan memotivasikan mereka supaya lebih komited semasa bertugas. Tiga orang pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis juga turut diundang sebagai penceramah dalam bengkel selama satu hari itu.

